

IMPORTANT: Customer is required to read these Terms and Conditions before deciding to purchase Gold-i product.

PENTING: Pelanggan perlu membaca Terma dan Syarat ini sebelum membuat keputusan untuk membeli produk Emas-i.

1. STANDARD TERMS AND CONDITIONS

TERMA DAN SYARAT STANDARD

1.1 Application of Terms and Conditions for Gold-i

Terma dan Syarat Emas-i yang digunakan

This general Terms and Conditions applies to the Customer who wishes to purchase and sell Gold with purity levels of 99.99% and/or 999.9, in Ringgit Malaysia with Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd ("Bank").

Terma dan Syarat umum ini digunakan terhadap Pelanggan yang ingin membeli dan menjual Emas dengan tahap ketulenan 99.99% dan/atau 999.9, dalam Ringgit Malaysia dengan Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Bhd ("Bank").

1.2 Definitions

Definisi

Appointment Services

Perkhidmatan Janji Temu

Refers to the arrangement made by the Bank to have the Gold Vendor be present at Branch to authenticate and/or collect the Gold that Customer intends to sell to the Bank;

Merujuk kepada pengaturan yang dibuat oleh Bank untuk meminta Penjual Emas hadir di Cawangan untuk mengesahkan dan / atau mengutip Emas yang Pelanggan berhasrat untuk menjual kepada Bank;

Business Day

Hari Perniagaan

The buying and selling of Gold shall only be conducted during trading hours on business days that banks and financial institutions licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 are open for business as determined by the Bank from time to time;

Urusan jual beli Emas hanya boleh dilakukan semasa waktu perdagangan pada hari perniagaan yang mana bank dan institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dibuka untuk perniagaan seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa;

Bank's Selling Price

Harga Jualan Bank

The prevailing Gold price quoted by the Bank in Ringgit Malaysia for Gold that is sold to the Customer;

Harga Emas semasa yang disebut harga oleh Bank dalam Ringgit Malaysia untuk Emas yang dijual kepada Pelanggan;

Bank's Buying Price

Harga Belian Bank

The prevailing Gold price quoted by the Bank in Ringgit Malaysia for Gold that is bought from the Customer;

Harga Emas semasa yang disebut harga oleh Bank dalam Ringgit Malaysia untuk Emas yang dibeli daripada Pelanggan;

Customer

Pelanggan

Refers to the Bank's Customer(s) who maintains an Account(s) with the Bank and shall include individuals, companies, partnerships, sole-proprietorship, clubs, societies and associations and where applicable, personal representatives and successors-in-title unless specified otherwise in these Terms and Conditions from time to time and has purchased Gold from the Bank;

Merujuk kepada Pelanggan Bank yang mengekalkan Akaun dengan Bank dan hendaklah termasuk individu, syarikat, perkongsian, pemilikan tunggal, kelab dan persatuan dan jika berkenaan, wakil peribadi dan pengganti hak milik melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dan telah membeli Emas daripada Bank;

Gold

Emas

Physical Gold in the form of a bar, wafer, medallion, collectible items or, coins offered by the Bank;

Emas Fizikal dalam bentuk jongkong, wafer, medalion, barangan koleksi atau, syiling yang ditawarkan oleh Bank;

Minimum Initial Purchase <i>Pembelian Permulaan Minimum</i>	10 grams; 10 gram;
Subsequent Purchase or Sale <i>Pembelian atau Jualan Seterusnya</i>	A minimum of 5 grams and in multiples of 5 grams; <i>Sekurang-kurangnya 5 gram dan dalam gandaan 5 gram;</i>
Gold Purchase <i>Pembelian Emas</i>	Gold purchased by the Customer shall be based on the Bank's Selling Price and payment shall be via direct debit from the Customer's Account as instructed by the Customer. <i>Emas yang dibeli oleh Pelanggan hendaklah berdasarkan Harga Jualan Bank dan pembayaran hendaklah dibuat melalui debit terus dari Akaun Pelanggan seperti yang diarahkan oleh Pelanggan.</i>
Gold Sale <i>Jualan Emas</i>	The Customer may sell the Gold at the Bank's Buying Price on the condition that it is in good condition (e.g. not dented, not chipped, without scratch marks or broken seals) and is accompanied either with the original receipt or other relevant documents evidencing the Gold to be sold was previously purchased from/via the Bank. The Bank may exercise its' discretion to request for a letter of indemnity from the Customer and any other supporting documents such as police reports if required by the Bank. <i>Pelanggan boleh menjual Emas pada Harga Belian Bank dengan syarat ia berada dalam keadaan baik (contohnya tidak kemik, tidak sumbing, tanpa tanda calar atau pencedap pecah) dan disertakan sama ada dengan resit asal atau dokumen lain yang berkaitan yang membuktikan Emas yang akan dijual sebelum ini dibeli dari/melalui Bank. Bank boleh menggunakan budi bicaranya untuk meminta surat ganti rugi daripada Pelanggan dan apa-apa dokumen sokongan lain seperti laporan polis jika diperlukan oleh Bank.</i> The Bank does not guarantee that it or the Gold Vendor will at all times, purchase the Gold from the Customer whenever the Customer wishes to sell the Gold. <i>Bank tidak menjamin bahawa Bank atau Penjual Emas akan pada setiap masa, membeli Emas daripada Pelanggan setiap kali Pelanggan ingin menjual Emas.</i>
Gold Vendor <i>Penjual Emas</i>	Refers to the company who is involved in the Gold business that has been appointed by the Bank (at its discretion) to supply the Gold. <i>Merujuk kepada syarikat yang terlibat dalam perniagaan Emas yang telah dilantik oleh Bank (mengikut budi bicaranya) untuk membekalkan Emas.</i>

1.3 Applicable Shariah Contracts *Kontrak Syariah yang digunakan*

The applicable Shariah contracts are as follows:
Kontrak Syariah yang digunakan adalah seperti berikut:

- (a) *Musawamah* whereby the payment for and delivery of Gold shall be immediate (as defined in Clause 2.1 herein); or
Musawamah dengan pembayaran dan penghantaran Emas yang dibuat dengan serta-merta (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 2.1 dalam dokumen ini); atau
- (b) *Wakalah* or Agency whereby the Customer appoints the Bank as the agent to purchase or sell the Gold on the Customer's behalf.
Wakalah atau agensi yang membolehkan Pelanggan melantik Bank sebagai ejen untuk membeli atau menjual Emas bagi pihak Pelanggan

2. **GOLD-i** **EMAS-i**

2.1 **Musawamah Contract** *Kontrak Musawamah*

The buying and selling of Gold is based on the Shariah contract of *Musawamah* whereby the Bank will offer to sell the Gold and the Customer will buy the Gold from the Bank at the Bank's Selling Price and the delivery and payment of the Gold shall be immediate upon conclusion of the purchase at the designated branch.

Pembelian dan penjualan Emas adalah berdasarkan kontrak Syariah Musawamah dengan keadaan Bank akan menawarkan untuk menjual Emas dan Pelanggan akan membeli Emas tersebut daripada Bank pada Harga Jual Bank dan penghantaran dan pembayaran Emas hendaklah dibuat dengan serta-merta sebaik sahaja pembelian dibuat di cawangan yang ditetapkan.

2.2 **Wakalah Contract** *Kontrak Wakalah*

2.2.1 The buying and selling of Gold is concluded by the Bank as the agent for the Customer *Pembelian dan penjualan Emas dibuat oleh Bank sebagai ejen untuk Pelanggan*

2.2.2 Customer will be given a receipt for every purchase of Gold made from the Bank as an acknowledgement of the purchase. *Pelanggan akan diberi resit untuk setiap pembelian Emas yang dibuat daripada Bank sebagai pengakuan pembelian.*

2.3 Customer is required to maintain either a savings or current account with the Bank (hereinafter referred to as the "Account") in order to facilitate the payment for the buying and selling of Gold. All payments made in relation to the transaction(s) shall be made through the Account. The specific terms and conditions of the Account shall remain valid and binding. *Pelanggan dikehendaki mengekalkan sama ada akaun simpanan atau akaun semasa dengan Bank (selepas ini dirujuk sebagai "Akaun") untuk memudahkan pembayaran pembelian dan penjualan Emas. Semua pembayaran yang dibuat berhubung dengan transaksi hendaklah dibuat melalui Akaun. Terma dan syarat khusus Akaun akan tetap sah dan terikat.*

2.4 Customer will take physical delivery of Gold following a Gold Purchase. *Pelanggan akan membuat pengambilan emas secara fizikal selepas Pembelian Emas.*

2.5 The Customer is free to transfer his Gold to any person ("New Owner") as a gift, sale or otherwise subject to the New Owner successfully opening an Account and a Gold-i Account with the Bank. *Pelanggan boleh memindahkan Emasnya dengan bebas kepada mana-mana orang ("Pemilik Baharu") sebagai hadiah, jualan atau dengan cara lain dengan syarat Pemilik Baharu berjaya membuka Akaun dan Akaun Emas-i dengan Bank.*

2.6 Subject to Clause 2.7, the Customer may sell the Gold to the Gold Vendor through the Bank who is acting as agent of the Customer under the *Wakalah* contract. On a best effort basis, the Bank may purchase the Gold from the Customer at the Bank's Buying Price or source for a Supplier to purchase the Gold. The Bank does not guarantee that it will purchase nor does the Bank guarantee that the supplier will purchase the said Gold. *Tertakluk kepada Fasal 2.7, Pelanggan boleh menjual Emas kepada Penjual Emas melalui Bank yang bertindak sebagai ejen Pelanggan di bawah kontrak Wakalah. Berdasarkan asas usaha terbaik, Bank boleh membeli Emas daripada Pelanggan pada Harga Belian Bank atau mengatur pembekal untuk membeli Emas. Bank tidak menjamin bahawa Bank akan membeli dan Bank juga tidak menjamin bahawa pembekal akan membeli Emas tersebut.*

2.7 The Bank has the right to verify and test the Gold for purity by the Bank's appointed Gold Vendor prior to accepting the offer of sale from the Customer. *Bank berhak untuk melantik Pembekal Emas untuk mengesahkan dan menguji ketulenan Emas sebelum menerima tawaran jualan daripada Pelanggan.*

The Customer must provide prior written notice to the Bank with three (3) tentative dates when the Customer would like to sell the Gold to the Gold Vendor if the Customer intends to sell the Gold through the Bank. This will be applicable to:

Pelanggan perlu memberikan tiga (3) tarikh tentatif dalam notis bertulis kepada pihak Bank apabila Pelanggan berhasrat untuk menjual Emas tersebut kepada Penjual Emas melalui pihak Bank. Ini tertakluk kepada:

- i. all the denominations of cast bars weighing 100g, 500g and 1,000g; and

semua denominasi jongkong emas 'cast/diecast' dengan berat 100g, 500g dan 1,000g; dan

- ii. minted bars with an accumulated weightage of 200g and above
jongkong emas 'mitage / minted' dengan berat terkumpul 200g dan lebih

The Bank will call the Customer to decide on a mutually agreed Appointment Services date.

Bank akan menghubungi Pelanggan untuk memutuskan tarikh Perkhidmatan Janji Temu yang dipersetujui bersama.

- 2.8 In the event where the Customer needs to change the Appointment Services date, the Customer is obligated to inform the Bank one (1) Business Day before the appointment date and the Bank will make necessary arrangement with the Customer for the new Appointment Services date.

Sekiranya Pelanggan perlu menukar tarikh Perkhidmatan Janji Temu, Pelanggan diwajibkan untuk memaklumkan kepada Bank satu (1) Hari Perniagaan sebelum tarikh janji temu dan Bank akan membuat pengaturan yang perlu dengan Pelanggan untuk tarikh Perkhidmatan Janji Temu yang baharu.

- 2.9 Gold sold by the Customer must be free from of all encumbrances and must not have been acquired through unlawful means.

Emas yang dijual oleh Pelanggan mestilah bebas daripada semua bebanan dan tidak boleh diperolehi melalui cara yang menyalahi undang-undang.

3. COLLECTION OF GOLD

PENGUTIPAN EMAS-i

- 3.1 Following each Gold Purchase transaction, Customer must collect his/her Gold purchased on the same day and at the same branch the Customer submitted his/her request for Gold Purchase immediately after receiving the Purchase confirmation from the Bank. The Bank will not entertain any request for safe-keeping of nor shall the Bank be responsible for Customer's Gold following the completion of a Gold Purchase.

Berikutan setiap transaksi Pembelian Emas, Pelanggan mesti mengambil Emas yang dibeli pada hari yang sama dan di cawangan yang sama Pelanggan mengemukakan permintaan untuk Pembelian Emas sebaik sahaja menerima borang Pengesahan Pembelian daripada Bank. Bank tidak akan melayan apa-apa permintaan untuk menjaga keselamatan dan juga tidak akan bertanggungjawab ke atas Emas Pelanggan selepas selesainya Pembelian Emas.

- 3.2 For large Gold Purchase(s), the Customer is required to visit the nearest branch and complete the Bank's applicable form for such request. The Customer will be notified by the relevant branch when the Gold Purchased by Customer is ready for collection.

Untuk Pembelian Emas yang besar, Pelanggan dikehendaki melawat cawangan terdekat dan melengkapkan borang Bank yang berkaitan dengan permintaan tersebut. Pelanggan akan dimaklumkan oleh cawangan yang berkaitan apabila Emas yang Dibeli oleh Pelanggan sedia untuk dikutip.

- 3.3 During the collection of Gold and before leaving the Bank's premises, the Customer shall examine the Gold to ensure that it is of the correct weight and in good condition before acknowledging receipt of the Gold. Gold that has been collected by Customer and has exited the Bank's premises is strictly non-returnable and non-exchangeable.

Semasa pengutipan Emas dan sebelum meninggalkan premis Bank, Pelanggan hendaklah memeriksa Emas untuk memastikan beratnya betul dan dalam keadaan yang baik sebelum mengakui penerimaan Emas. Emas yang telah dikutip oleh Pelanggan dan telah keluar dari premis Bank adalah sama sekali tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar.

- 3.4 The Customer must be present personally at the branch to collect the Gold Purchased and must show proof of identification to the satisfaction of the Bank. Customers are not allowed to nominate a third-party. The Bank reserves the right to refuse such third-party collection.

Pelanggan mesti hadir secara peribadi di cawangan untuk mengutip Emas yang dibeli dan mesti menunjukkan bukti pengenalan kepada Bank. Pelanggan tidak dibenarkan untuk mencalonkan pihak ketiga. Bank berhak untuk menolak pengutipan oleh pihak ketiga tersebut.

- 3.5 For corporate customers, partnerships, sole-proprietorship, clubs, societies, and associations and where applicable, personal representatives and successors-in-title, only the authorized person named in the mandate, Board resolution or other relevant documentation are allowed to deal with the Bank.

Bagi Pelanggan korporat, perkongsian, pemilikan tunggal, kelab, persatuan dan jika berkenaan, wakil peribadi dan pengganti hak

milik, hanya orang yang diberi kuasa yang dinamakan dalam mandat, resolusi Lembaga atau dokumentasi lain yang berkaitan dibenarkan berurusan dengan Bank.

4. JOINT ACCOUNT HOLDERS

PEMEGANG AKAUN BERSAMA

- 4.1 Joint account holders have the option to provide a mandate to the Bank authorizing other joint account holder(s) or all parties to deal directly with the Bank for all Gold related transactions on behalf of the joint account holders.

Pemegang akaun bersama mempunyai pilihan untuk memberikan mandat kepada Bank yang memberi kuasa kepada pemegang akaun bersama yang lain atau semua pihak untuk berurusan secara langsung dengan Bank untuk semua transaksi berkaitan Emas bagi pihak pemegang akaun bersama.

- 4.2 The Bank's authority to act based on the mandate given by the joint account holders as per Clause 4.1 shall remain in force until a written termination notice is received and confirmed by the Bank to be in order, from the joint account holders.

Kuasa Bank untuk bertindak berdasarkan mandat yang diberikan oleh pemegang akaun bersama mengikut Fasal 4.1 akan terus berkuat kuasa sehingga notis penamatan bertulis diterima daripada pemegang akaun bersama dan disahkan teratur oleh Bank.

- 4.3 Save and except due to the negligence of the Bank, the Bank shall not be liable to the Customer or any third party. The Customer shall always indemnify the Bank against any loss, damage, claim, expense or liability, whether involving fraud or not howsoever in connection with the mandate given.

Melainkan disebabkan kecuai Bank, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga. Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank pada setiap masa terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, tuntutan, perbelanjaan atau liabiliti, sama ada melibatkan penipuan atau tidak walau apa pun yang berkaitan dengan mandat yang diberikan.

5. NON-INDIVIDUAL ACCOUNT HOLDER

PEMEGANG AKAUN BUKAN INDIVIDUAL

- 5.1 Corporate account holders, partnerships, sole-proprietorship, clubs, societies and associations, and where applicable, personal representatives and successors-in-title must provide a mandate, board resolution or other relevant documentation authorizing the authorized personnel of the Customer to deal directly with the Bank for all Gold related transactions on behalf of the Customer.

Pemegang akaun korporat, perkongsian, pemilikan tunggal, kelab, persatuan dan jika berkenaan, wakil peribadi dan pengganti hak milik mesti memberikan Lembaga, resolusi Lembaga atau dokumentasi lain yang berkaitan yang memberi kuasa kepada kakitangan Pelanggan yang diberi kuasa untuk berurusan secara langsung dengan Bank untuk semua transaksi berkaitan Emas bagi pihak Pelanggan.

- 5.2 The Bank's authority to act shall be based on the mandate, board resolution, or other relevant documentation (as the case may be) as provided under Clause 5.1 shall be continuing and remain in force until a written mandate, board resolution or other documentation terminating such authority is received and confirmed by the Bank to be in order.

Kuasa Bank untuk bertindak hendaklah berdasarkan mandat, resolusi Lembaga atau dokumentasi lain yang berkaitan (mengikut kes yang berkenaan) seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 5.1 dan hendaklah diteruskan dan terus berkuat kuasa sehingga mandat bertulis, resolusi Lembaga atau dokumentasi lain yang menamatkan kuasa tersebut diterima dan disahkan teratur oleh Bank.

6. RETURN ON INVESTMENT

PULANGAN PELABURAN

- 6.1 The Customer agrees and is aware of the risk of losses in investing in Gold as the Gold price is subject to fluctuations. The Bank does not guarantee any returns on investment for the buying and selling of Gold.

Pelanggan bersetuju dan menyedari risiko kerugian dalam pelaburan Emas kerana harga Emas tertakluk kepada turun naik harga. Bank tidak menjamin sebarang pulangan pelaburan untuk pembelian dan penjualan Emas.

CUSTOMER SHOULD RELY ON THE CUSTOMER'S OWN EVALUATION TO ASSESS THE MERITS AND RISKS OF GOLD INVESTMENTS. IN CONSIDERING THE INVESTMENT, IT IS ADVISABLE FOR THE CUSTOMER TO CONSULT PROFESSIONAL ADVISORS.

PELANGGAN HARUS BERGANTUNG PADA PENILAIAN PELANGGAN SENDIRI UNTUK MENILAI MERIT DAN RISIKO PELABURAN EMAS. DALAM MEMPERTIMBANGKAN PELABURAN, PELANGGAN DINASIHATI UNTUK BERUNDING DENGAN PENASIHAT PROFESIONAL.

7. **GOLD PRICE** **HARGA EMAS**

- 7.1 The Bank's Selling Price and Bank's Buying Price is quoted in Ringgit Malaysia and is exclusive of the applicable services and local taxes, if any.

Harga Jualan Bank dan Harga Belian Bank disebut harga dalam Ringgit Malaysia dan tidak termasuk cukai perkhidmatan dan cukai tempatan yang berkenaan, jika ada.

- 7.2 Any price difference incurred during the buying and selling of Gold via *Wakalah* contract shall be treated as commission to the Bank, should the Bank be able to buy or sell the Gold from its Gold Vendor at below or above the price stated in the Bank's letter of appointment as an agent.

Apa-apa perbezaan harga yang berlaku semasa pembelian dan penjualan Emas melalui kontrak Wakalah akan dianggap sebagai komisen kepada Bank, sekiranya Bank dapat membeli atau menjual Emas daripada Penjual Emasnya pada harga yang kurang atau lebih daripada harga yang dinyatakan dalam surat pelantikan ejen oleh bank.

- 7.3 In the event the Gold price is misquoted due to a clerical mistake, fraud or negligence on the part of the Bank or as a result of incorrect information or an oversight, the Bank shall have the right to cancel the purchase of Gold. The purchase amounts shall be refunded to the Customer and the Customer is obligated to return the Gold to the Bank.

Sekiranya harga Emas tersalah sebut disebabkan oleh kesilapan perkeranian, penipuan atau kecuaiian oleh pihak Bank atau disebabkan maklumat yang salah atau kesilapan, Bank berhak untuk membatalkan pembelian Emas. Bayaran untuk pembelian hendaklah dikembalikan kepada Pelanggan dan Pelanggan wajib mengembalikan Emas kepada Bank.

8. **MISCELLANEOUS** **LAIN-LAIN**

- 8.1 The Bank will inform the Customer of the relevant charges for banking services related to Gold-i. The Customer can also find out about these charges by contacting the Bank or by visiting our website at <https://www.alrajhibank.com.my/>

Bank akan memaklumkan Pelanggan mengenai caj yang berkaitan untuk perkhidmatan perbankan yang berkaitan dengan Emas-i. Pelanggan juga boleh mengetahui tentang caj ini dengan menghubungi Bank atau melayari laman web kami di <https://www.alrajhibank.com.my/>

- 8.2 The Terms and Conditions herein are not exhaustive. The Bank reserves the right to add, modify or delete any of the Terms and Conditions by notifying the Customer of the proposed changes via written notice, notices posted on the Bank's website, notices posted at the Bank's branches, press advertisements or electronic means and such notification shall be subject to the acceptance or rejection of the Customer. An acceptance of such notification shall be implied from the Customer should the Customer remain silent for a period of twenty-one (21) calendar days from the date of such notification. Should the Customer choose to reject such notification, such rejection from the Customer shall be provided within twenty-one (21) calendar days from the date of such notification in writing and pursuant thereto, the Account will be closed. In the event the Account is closed pursuant to this clause, this agreement shall forthwith be terminated, and the Bank shall pay the remaining balance of monies in the Account to the Customer.

Terma dan Syarat dalam dokumen ini bukan senarai yang lengkap. Bank berhak untuk menambah, mengubah atau memadam mana-mana Terma dan Syarat dengan memberitahu Pelanggan tentang perubahan yang dicadangkan melalui notis bertulis, notis yang disiarkan di laman web Bank, notis yang disiarkan di cawangan Bank, iklan akhbar atau cara elektronik dan pemberitahuan tersebut akan tertakluk kepada penerimaan atau penolakan Pelanggan. Penerimaan pemberitahuan tersebut adalah tersirat daripada Pelanggan sekiranya Pelanggan berdiam diri untuk tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh pemberitahuan tersebut. Sekiranya Pelanggan memilih untuk menolak pemberitahuan tersebut, penolakan tersebut daripada Pelanggan hendaklah diberikan dalam masa dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh pemberitahuan tersebut secara bertulis dan menurutnya. Akaun akan ditutup. Sekiranya Akaun ditutup menurut fasal ini, perjanjian ini akan ditamatkan dengan serta-merta dan Bank hendaklah membayar baki wang yang tinggal dalam Akaun kepada Pelanggan.

For the avoidance of doubt, any additions, modifications, or deletions made pursuant to this clause shall, subject to the acceptance of the Customer as per the preceding paragraph, be binding on the Customer. In the event of any inconsistency, any such additions,

modifications or deletions shall prevail over these Terms and Conditions.

Untuk mengelakkan keraguan, apa-apa penambahan, pengubahsuaian atau penghapusan yang dibuat menurut fasal ini hendaklah, tertakluk kepada penerimaan Pelanggan seperti perenggan sebelumnya, mengikat Pelanggan. Sekiranya terdapat apa-apa yang tidak konsisten, apa-apa penambahan, pengubahsuaian atau penghapusan sedemikian akan mengatasi Terma dan Syarat ini.

- 8.3 The Bank is not liable for any fraudulent act of any party unless the Bank is aware of and is a party to such an act.
Bank tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa tindakan penipuan oleh mana-mana pihak, melainkan jika Bank menyedari dan merupakan pihak kepada perbuatan sedemikian.
- 8.4 In the event of the Bank crediting the Account of the Customer by error, the Bank will be entitled to reverse the said entry and/or to claim the said amount from the Customer.
Sekiranya Bank mengkreditkan Akaun Pelanggan secara salah, Bank berhak untuk membalikkan entri tersebut dan / atau menuntut jumlah tersebut dari Pelanggan.
- 8.5 The Bank shall not be liable for any consequential losses.
Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian turutan.
- 8.6 These Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with Malaysian law. The parties agree to submit all disputes to the exclusive jurisdiction of the Malaysian Courts.
Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Kedua-dua pihak bersetuju untuk mengemukakan semua pertikaian kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- Notwithstanding herein, for all intents and purposes, these Terms and Conditions is intended to be a Shari'ah compliant document in accordance with the relevant Shari'ah contract and be construed in accordance with the Shari'ah principles. The parties further agree to be bound by the Shari'ah requirements adopted by the Bank.
Walau apa pun dalam dokumen ini, untuk semua maksud dan tujuan, Terma dan Syarat ini bertujuan untuk menjadi dokumen patuh Syariah mengikut kontrak Syariah yang berkaitan dan ditafsirkan mengikut prinsip Syariah. Pihak-pihak selanjutnya bersetuju untuk terikat dengan syarat-syarat Syariah yang diterima pakai oleh Bank.
- In the event of any dispute concerning Shari'ah matters arising from these Terms and Conditions, the parties hereby agree to refer to Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) standards for reference and guidance.
Sekiranya terdapat sebarang pertikaian mengenai perkara-perkara Syariah yang berbangkit daripada Terma dan Syarat ini, pihak-pihak dengan ini bersetuju untuk merujuk kepada piawaian Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) untuk rujukan dan panduan.
- For avoidance of doubt, as at the date of these Terms and Conditions, the Bank's Shari'ah Committee had endorsed these Terms and Conditions to be in compliance with Shari'ah requirements.
Untuk mengelakkan keraguan, pada tarikh Terma dan Syarat ini, Jawatankuasa Syariah Bank telah mengesahkan bahawa Terma dan Syarat ini mematuhi keperluan Syariah.
- 8.7 It is hereby declared that nothing in these Terms and Conditions shall oblige the Bank or the Customer, respectively, to pay or to receive interest (by whatever means, or name called) on any amount due or payable to another party or to do anything contrary to Shari'ah Principles.
Dengan ini diisytiharkan bahawa tiada apa-apa dalam Terma dan Syarat ini akan mewajibkan Bank atau Pelanggan, masing-masing, untuk membayar atau menerima faedah (dengan apa jua cara atau nama dipanggil) atas apa-apa amaun yang perlu dibayar atau kena dibayar kepada pihak lain atau melakukan apa-apa yang bertentangan dengan Prinsip Syariah.
- 8.8 It is hereby agreed that the computation and payment of Zakat is the responsibility of the Customer.
Dengan ini dipersetujui bahawa pengiraan dan pembayaran Zakat adalah tanggungjawab Pelanggan.
- 8.9 The Customer shall be responsible for any taxes imposed by the authority (if any) with respect to buying and selling of Gold.
Pelanggan akan bertanggungjawab terhadap apa-apa cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa (jika ada) berkenaan dengan pembelian dan penjualan Emas.